

Dr Jasni harumkan nama negara

Sinar Harian / Ahad 11 Nov 07 / pg 12 wanita @ phg

Berjaya memenangi pingat Perak melalui ciptaannya 'Digital Watermarking With Tamper Detection And Recovery' di German.

■ ASWANY OMAR

MUNGKIN umum tidak mengenali Dr Jasni Mohd Zain namun beliau berjaya membawa Malaysia sebaris dengan negara membangun maju lain apabila berjaya memenangi pingat Perak melalui ciptaannya 'Digital Watermarking With Tamper Detection And Recovery' di German minggu lalu.

Ciptaan Dr Jasni diiktiraf pada Pameran Internasional Exhibition Ideas- Invention New Products di Iena, Numburg, German yang disertai kira-kira 500 peserta dari seluruh dunia.

Katanya, ciptaan tersebut adalah hasil ideanya ketika menyambung pengajian pada peringkat sarjana dan tidak menyangka ia mendapat pengiktirafan antarabangsa dan mengalahkan ciptaan lain pada pameran tersebut.

Bagaimanapun, beliau berbangga kerana dapat membuktikan bahawa penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) juga mempunyai kebolehan untuk mencipta teknologi terkini selaras dengan pembangunan negara.

"Ia adalah sistem yang bukan sahaja membolehkan carian semula sesuatu data dan imej yang hilang di dalam sistem pengkomputeran malah turut menyimpan data berkenaan dengan selamat," katanya

kepada Sinar Harian.

Walaupun sudah mencipta nama di peringkat antarabangsa, wanita ini tetap merendah diri dan menganggap ciptaan berkenaan adalah sebahagian daripada alat yang akan dikongsi dengan masyarakat.

Katanya, kemajuan teknologi terkini memungkinkan pelbagai ciptaan dilakukan namun perlu mendapat kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak terutama pihak pengurusan dan keluarga.

Dr Jasni memberitahu, beliau bertuah kerana pentadbiran UMP sentiasa menggalakkan penyelidik memberi idea baru dalam melahirkan pelbagai ciptaan terkini selain dorongan keluarga termasuk suami dan anak-anak tersayang.

Katanya, dia bertuah kerana mempunyai tujuh penyelidik yang mempunyai kesungguhan untuk bekerjasama membantunya menyiapkan projek tersebut sehingga membolehkan sistem berkenaan dipamerkan di German pada 1 hingga 4 September lalu.

Menurut Dr Jasni, selain beliau, tiga lagi rakannya yang turut memenangi anugerah tersebut ialah Fadhilur Rahman Mohd Romlay yang memenangi anugerah Perak melalui ciptaannya iaitu A New Invention of an Automatis Tyre Nut Removal 'TREMOVAL' For 114mm Pitch Circle Diameter Type.

Dr Jasni turut berbangga dengan dua lagi rakannya yang mendapat anugerah emas iaitu Dr Wan Azhar Wan Yusoff dengan ciptaannya CNC Controller For Laser Machining Application



DR JASNI

"Bagi saya, semua ciptaan yang dipamerkan adalah yang terbaik dan sukar dan mengikut perkembangan kemajuan semasa namun pemilihan mungkin disebabkan kami mengikut syarat yang ditetapkan."

dan Prof Dr Mashitah Mohd Yusof yang mencipta Antiinflammatory oil from Halia Bara.

"Bagi saya, semua ciptaan yang dipamerkan adalah yang terbaik dan sukar dan mengikut perkembangan kemajuan semasa namun pemilihan mungkin disebabkan kami mengikut syarat yang ditetapkan," katanya merendah diri.

Katanya, pihak pengadil akan memastikan setiap produk yang dipamerkan sempurna dan boleh dikomersialkan untuk kegunaan masyarakat sejagat.